



SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/06/03_38 (HQ)

MALAYSIA DAN INDONESIA MENGUKUHKAN KERJASAMA UNTUK KESTABILAN PENJANAAN TENAGA

Malaysia mengukuhkan kerjasama dengan Indonesia bagi menjamin bekalan bahan api demi memastikan kestabilan sumber penjanaan tenaga elektrik di negara ini sementara memperteguhkan landasan peralihan tenaga ke arah masa depan lebih mampan.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, kerjasama antara pembekal arang batu Indonesia dengan pengimport di Malaysia adalah penting bagi jaminan bekalan yang dapat memenuhi keperluan dalam tempoh menuju negara neutral karbon menjelang 2050.

“Pada masa sama ia menterjemahkan semangat kerjasama antara Indonesia dan Malaysia sebagai negara tetangga untuk kemakmuran rakyat dan ekonomi di kedua-dua negara. Kerjasama ini juga merupakan indikator hubungan akrab dan istimewa antara Malaysia dan Indonesia yang semakin kukuh,” katanya.

Beliau berkata demikian sebelum bersama-sama Timbalan Menteri Perdagangan Republik Indonesia, Jerry Sambuaga menyaksikan pertukaran dokumen kontrak di antara Sembilan (9) pembekal arang batu Indonesia dengan anak syarikat Tenaga Nasional Berhad (TNB), TNB Fuel Services Sdn Bhd (TNBF) di Kementerian Perdagangan Republik Indonesia, di Jakarta pada 27 Mei 2022.

Turut hadir Pengerusi TNB, Dato' Sri Hasan Arifin; Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga) KeTSA, Mohamad Razif Abd Mubin; Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga, Abdul Razib Dawood; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din serta para pegawai kementerian kedua-dua negara.

Indonesia adalah negara pembekal utama arang batu Malaysia diikuti Australia, Rusia dan Afrika Selatan.

Sebanyak 21.9 juta tan metrik arang batu dibekalkan oleh Indonesia kepada Malaysia pada 2021 dengan nilai kontrak USD 2.5 bilion.

Takiyuddin juga berharap kerjasama itu mencapai matlamat seperti yang diharapkan, yang mana kestabilan bekalan elektrik memainkan peranan penting untuk memajukan kembali ekonomi yang terkesan akibat COVID-19.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 3 Jun 2022, jam 10:00 pagi
*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /
Grace Tan 016-6626229 / Asma' Razak 013-2505433
atau emel kami: media@tnb.com.my*



Pengarah Urusan TNB Fuel Services Sdn Bhd, Datuk Ts. Shamsul Ahmad, (paling kiri) menyempurnakan pertukaran dokumen kontrak dengan seorang daripada pembekal arang batu Indonesia sambil disaksikan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan (dua kiri) dan Timbalan Menteri Perdagangan Republik Indonesia, Jerry Sambuaga (dua kanan) di Kementerian Perdagangan Republik Indonesia, Jakarta, 27 Mei 2022.



Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan (empat kiri) dan Timbalan Menteri Perdagangan Republik Indonesia, Jerry Sambuaga (tengah) ceria ketika bergambar bersama Pengerusi TNB, Dato' Sri Hasan Arifin (tiga kiri), Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din (dua kiri) serta pegawai-pegawai tinggi kerajaan Indonesia selepas menyaksikan pertukaran dokumen kontrak antara TNB Fuel Services Sdn Bhd dan para pembekal arang batu Indonesia di Kementerian Perdagangan Republik Indonesia, Jakarta, 27 Mei 2022.